

# Bimbing masyarakat

UM 31/10/2003 - 2-3 PRECISE

## Pesan PM kepada insan seni

Oleh TENGKU KHALIDAH TENGKU BIDIN

**M**ASA yang cukup memilukan ini akhirnya tiba jua. Hari ini adalah hari terakhir kita memanggil Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

Dr. Mahathir menabur jasa yang tidak terbilang kepada bangsa, agama dan negaranya.

Perjuangan beliau melampaui sempadan kemanusiaan, meluas ke jagat raya.

Budinya melata hingga ke taman-taman seni, memberi semangat dan pengaruh besar untuk perjuangan insan-insan seni berkarya dan meluaskan pengaruh.

Besarnya harapan beliau kepada karyawan seni sehingga menyamakan peranan mereka seiring dengan tokoh-tokoh politik.

Ini menjadikan hubungan beliau dengan insan seni memberi kesan yang mendalam kepada seluruh penggerak seni tanah air.

Kepada *Utusan Malaysia*, mereka berkongsi rasa dan pandangan tentang 'siapa Mahathir'.

### DATUK MUSTAFA MAAROF

"DR. MAHATHIR pernah minta supaya orang seni sama-sama menyingsing lengan, menabur bakti bersama orang politik untuk membimbing masyarakat dan negara," jelas seniman Datuk Mustafa Maarof.

Mustafa membawa kita mengenang semula amanat-amanat awal Dr. Mahathir kepada masyarakat seni sebaik sahaja beliau memulakan tugas sebagai Perdana Menteri Malaysia keempat.

"Dua kenangan yang tidak akan saya lupakan sepanjang hidup saya bila bercakap tentang Dr. Mahathir.

"Pertama ketika awal beliau menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981. Antara kumpulan pertama yang diundang ke Seri Perdana ialah kelompok karyawan seni. Serta dalam pertemuan itu ialah Datuk Rahim Razali, Datin Umi Khaltom dan arwah isteri saya, Roseyatimah," kata Mustafa.

Di situlah, jelas Mustafa, Dr. Mahathir secara peribadi meminta supaya orang seni sama berjuang berganding bahu dengan orang politik untuk membimbing masyarakat.

"Beliau percaya kepada peranan orang seni. Sampai ke satu tahap, beliau mahu supaya orang seni berada di sebelah orang politik untuk sama-sama memberi bimbingan kepada masyarakat," kata seniman veteran ini.

kat," kata seniman veteran ini.

Satu lagi kenangan istimewa bersama Perdana Menteri, jelas Mustafa apabila Dr. Mahathir sudi menghabiskan masa sehingga pukul 1 pagi pada satu majlis makan malam anjuran Persatuan Seniman di bawah pimpinan Datuk Ismail Hudson beberapa tahun lalu.

"Dr. Mahathir tunggu hingga acara habis. Saya nampak orang lain agak resah.

"Maklumlah waktu sudah pukul 1 pagi, lewat benar. Tetapi Dr. Mahathir tenang-tenang sahaja," katanya mengimbas nostalgia bersama pemimpin ulung itu.

"Kerana rasa terima kasih di atas sokongannya, ketika bersalam saya mencium tangan Dr. Mahathir dengan penuh rasa rendah diri kerana kesanggupannya menunggu hingga ke hujung acara," kata Mustafa.

Justeru, Mustafa menyifatkan toleransi Perdana Menteri adalah sangat luar biasa kepada karyawan seni.

"Keprihatinannya sungguh luar biasa. Perasaan beliau adalah satu kehilangan yang amat dirasai oleh seluruh warga daripada pelbagai cabang seni," kata Mustafa lagi.

### NORA

PENYANYI Nora pula menyifatkan Dr. Mahathir sebagai pemberian istimewa Tuhan kepada seluruh rakyat Malaysia.

Nora antara penyanyi yang bertuah kerana berpeluang 'berduet' bersama Perdana Menteri dalam sebuah lagu ciptaan Datuk Ibrahim Bachik. Lagu berkenaan dimuatkan dalam albumnya berjudul *Cinta Satu Dehad*.

Lirik lagu berkenaan diangkat daripada puisi Perdana Menteri berjudul *Perjuangan Yang*

*Belum Selesai*. Puisi itu pertama kali disampaikan oleh Dr. Mahathir pada Malam Puisi Utusan Keempat.

Cerita Nora, "Pada Malam Deklamasi Puisi Angkasapuri 2001, pertama kali Nora menyampaikan lagu berkenaan di hadapan Dr. Mahathir.

"Seram sejuk, jantung saya berdegup kencang. Dr. Mahathir betul-betul berada di hadapan saya, menyaksikan persembahan itu.

"Dengan penuh perasaan saya sampaikan lagu itu. Saya tidak mampu menahan sebak kerana bait-bait liriknya yang cukup menyentuh perasaan," kata Nora.

Selepas itu menurut Nora, seketika dia terpancang Perdana Menteri di hadapan, "Saya menjadi bertambah sebak apabila melihat beliau juga tidak dapat menahan perasaan.

"Dr. Mahathir sebak dan terharu mendengar lagu itu apabila ia didendangkan secara live di hadapannya," kata Nora.

Nora menyifatkan Perdana Menteri sebagai pejuang sejati yang tidak pernah kenal erti penat dalam membela nasib kaum Melayu.

"Bukan untuk diri sendiri, tetapi untuk bangsa dan negaranya. Saya pasti selepas beliau tidak lagi berada di kerusi Perdana Menteri, kita akan terlalu merindunya" kata penyanyi ini lagi.

### KRU

KUMPULAN adik-beradik KRU juga merupakan antara artis yang mempunyai hubungan istimewa dan rapat dengan Dr. Mahathir dan isterinya.

Pengalaman KRU menguruskan banyak acara berkaitan dengan BAKTI memberi peluang untuk mereka mengenali Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah secara lebih dekat.

"Hubungan ini cukup istimewa kepada kami sebagai rakyat biasa," jelas Norman.

Sebagai insan biasa, jelas Norman apabila pemimpin tertinggi negara mengingati dan sentiasa mengikuti perkembangan mereka, ia adalah sesuatu yang cukup mengharukan. Kenangan paling manis bersama apabila mereka diberi peluang menghasilkan klip video *Tunggu Sekejap* di Putrajaya.

Dr. Mahathir menyanyikan semula lagu popular P. Ramlee itu untuk dijadikan hadiah kejutan BAKTI kepada Dr. Siti Hasmah. Bertindak sebagai penerbit, menjadi tugas KRU memberi tunjuk ajar kepada Dr. Mahathir dalam pengawalan vokal.



KRU pernah membimbing Dr. Mahathir Mohamad menyanyi lagu untuk klip video *Tunggu Sekejap*.

Sambung di muka 3

MUSTAFA Maarof bersalaman dengan Dr. Mahathir Mohamad.

NORA